



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**23 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 592 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 213,562 kes. Sebanyak empat (4) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu Kota Kinabalu, Penampang, Tawau dan Kinabatangan masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 616 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 202,690 orang. Manakala 1,971 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 755 orang di hospital, 1,190 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 23 orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 87 orang merangkumi 79 di ICU/repurposed kritikal care serta lapan (8) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 27 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 138 (48.42%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Trend jangkitan Covid di Sabah tidak banyak berubah sejak beberapa hari. Terdapat sedikit penurunan 49 kes hari ini kepada 592 berbanding 641 kes kelmarin.
- b. Jumlah kes di daerah Kota Kinabalu adalah yang tertinggi di Sabah dan hari ini menambah 6 kes baharu. Begitu juga di Beaufort (+17), Kota Marudu (+14), Kinabatangan (+18) dan Tambunan (+16) yang merekodkan pertambahan.
- c. 202 atau (34.1%) daripada 592 kes yang direkodkan hari ini adalah kes2 lewat daftar dua hari atau lebih selepas keputusan saringan diketahui. Di Kota Kinabalu, 74 daripada 76 kes adalah kes lewat daftar, 25 di Papar, 25 di Tenom, 14 di Kota Belud dan Lahad Datu.
- d. Tidak ada pesakit Kategori 5 yang dicatatkan hari ini, 4 orang dalam Kategori 4, 3 orang dalam Kategori 3, 468 orang (79.1%) dalam Kategori 2 dan 102 orang (17.2%) dalam Kategori 1. Sebanyak 15 kes lagi masih dalam siasatan lanjut oleh JKNS.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (311) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	35	5.91%
2	Bergejala	204	34.46%
3	Kontak	311	52.53%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	42	7.09%
<b>JUMLAH</b>		<b>592</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (22 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 22/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 23/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kinabatangan	18	36	+18
2	Beaufort	41	58	+17
3	Tambunan	17	33	+16
4	Kota Marudu	39	53	+14
5	Papar	17	26	+9
6	Kota Kinabalu	70	76	+6
7	Telupid	10	13	+3
8	Tawau	8	11	+3
9	Ranau	26	28	+2
10	Pitas	20	22	+2
11	Kalabakan	2	3	+1
12	Penampang	15	15	Mendatar
13	Sandakan	13	13	Mendatar
14	Semporna	5	5	Mendatar
15	Kunak	2	2	Mendatar
16	Kudat	56	17	-39
17	Putatan	34	5	-29
18	Lahad Datu	51	28	-23
19	Beluran	25	9	-16
20	Kota Belud	47	35	-12
21	Sipitang	17	12	-5
22	Tongod	8	3	-5
23	Nabawan	8	4	-4
24	Keningau	27	24	-3
25	Kuala Penyu	4	2	-2
26	Tenom	34	33	-1
27	Tuaran	27	26	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>641</b>	<b>592</b>	<b>-49</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (9 Oktober – 22 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	42	27	0	7	76	860
Beaufort	2	34	21	0	1	58	389
Kota Marudu	0	29	22	0	2	53	472
Kinabatangan	33	0	2	0	1	36	219
Kota Belud	0	16	14	0	5	35	779
Tenom	0	16	13	0	4	33	488
Tambunan	0	28	3	0	2	33	208
Lahad Datu	0	9	14	0	5	28	396
Ranau	0	20	5	0	3	28	544
Tuaran	0	14	11	0	1	26	457
Papar	0	16	9	0	1	26	314
Keningau	0	15	9	0	0	24	510
Pitas	0	12	10	0	0	22	307
Kudat	0	4	12	0	1	17	460
Penampang	0	11	2	0	2	15	369
Sandakan	0	6	3	0	4	13	264
Telupid	0	13	0	0	0	13	133
Sipitang	0	7	5	0	0	12	171
Tawau	0	6	4	0	1	11	240
Beluran	0	5	3	0	1	9	219
Putatan	0	1	3	0	1	5	271
Semporna	0	1	4	0	0	5	76
Nabawan	0	2	2	0	0	4	93
Tongod	0	1	2	0	0	3	78
Kalabakan	0	2	1	0	0	3	33
Kuala Penyu	0	0	2	0	0	2	50
Kunak	0	1	1	0	0	2	72
<b>JUMLAH</b>	<b>35</b>	<b>311</b>	<b>204</b>	<b>0</b>	<b>42</b>	<b>592</b>	<b>8,472</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Beaufort	Kluster Kampung Bawan	2
Kinabatangan	Kluster Blok 03	17
	Kluster Sawit Kinabatangan	16
<b>Jumlah</b>		<b>35</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Blok 03 - Kinabatangan** diklasifikasikan sebagai kluster komuniti yang menular di salah sebuah ladang sawit di Kinabatangan. Kes indeks adalah ketua mekanik, warga tempatan, 58, yang menjalani saringan masuk kerja ke ladang di sebuah klinik swasta di Lahad Datu pada 21 Oktober 2021. Dalam saringan itu, kes indeks dikesan positif 100% grading RTK-Ag dan telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan. Aktiviti persampelan kontak seterusnya mendapati seramai 19 kes positif COVID-19 dalam kalangan kontak sosial, pekerja dan tanggungan. Siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang lain yang berhampiran.

7 Jumlah kapasiti katil 6,330 unit

- Hospital 1,920 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,940 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 31.14%.

**B RALAT - LAPORAN KEMATIAN BERKENAAN KLUSTER ALAB SENAGANG SIARAN  
22 OKTOBER 2021**

- 1 Terdapat ralat pada Kenyataan Media bertarikh 22 Oktober 2021 berkenaan Kluster Alab Senagang yang menyatakan ibu mertua indeks meninggal dunia disebabkan Covid-19.
- 2 Fakta sebenar berkenaan kes tersebut seperti yang dilaporkan oleh JKNS ialah ibu mertua kepada indeks meninggal dunia BUKAN disebabkan oleh Covid-19.
- 3 Ini adalah kesilapan menaip yang tidak disengajakan dan segala kesulitan yang timbul adalah amat dikesali.

**C KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 23 OKTOBER 2021**

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	586
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
<b>Jumlah</b>	<b>592</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	543
Bukan Malaysia	49
<b>Jumlah</b>	<b>592</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	17
Belum Menerima Vaksin	85
Menerima 1 Dos	12
Lengkap 2 Dos	368
<b>Jumlah</b>	<b>592</b>



iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	57
6 to 11	66
12 to 17	30
18 to 25	79
26 to 59	293
>60	63
<b>Jumlah</b>	<b>592</b>

**D BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 23 Oktober 2021)
Tiada PKPD		

**E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 22 Oktober 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 20,322 orang. Daripada jumlah ini, seramai 13,556 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 6,766 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 22 Oktober 2021 adalah seramai 2,373,721 orang. Ini meliputi 2,050,053 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 74.32% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,229,542 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,985,351 orang atau 71.91% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 323,668 orang atau 74.58% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 244,191 atau 56.27% orang setakat ini.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **658,985** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,552 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 135 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 27 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,098 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Dua (2) notis di keluarkan kepada pemilik premis di daerah Penampang atas kesalahan alat imbasan suhu tidak berfungsi. Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 263 premis perniagaan dan 218 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOPPeringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 387 Premis Perniagaan melibatkan 217 anggota APM. Sebanyak 13 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 130 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 14 premis, melibatkan sembilan (9) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 145 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 164 hebahan di seluruh Sabah.

## H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.6%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Kunak	98%
3	Beluran	98%
4	Beaufort	98%
5	Tuaran	98%
6	Papar	97.5%
7	Semporna	97.5%
8	Kota Belud	97.5%
9	Lahad Datu	97.5%
10	Tawau	97.5%
11	Sandakan	97.5%
12	Penampang	97.5%
13	Tenom	97.5%
14	Ranau	97.5%
15	Kota Marudu	97%
16	Keningau	97%
17	Kota Kinabalu	97%
18	Kinabatangan	97%
19	Kudat	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**